

26/09/1998

Semakin ramai terima alasan Dr M

KUALA LUMPUR, Jumaat - Semakin ramai rakyat menerima alasan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad melucutkan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada Kabinet dan memecat keahliannya dalam Umno.

Selain itu, mereka juga kesal dengan tindakan penyokong Anwar yang bertindak liar dan menimbulkan ketegangan dengan merusuh di beberapa tempat awam, termasuk masjid di ibu negara.

Tinjauan Berita Harian mendapati kebanyakan mereka yakin tindakan Perdana Menteri memecat Anwar mempunyai asas yang kukuh.

Menurut mereka, penjelasan Dr Mahathir Selasa lalu dan pendedahan bekas Ketua Polis Negara, Tun Haniff Omar mengenai pembabitian bekas Timbalan Perdana Menteri itu dalam kegiatan homoseksual, sudah cukup untuk meyakinkan mereka.

Merinyu Intrakota Consolidated Sdn Bhd, Zakaria Saad, 45, berkata Dr Mahathir sudah pasti mempunyai bukti kukuh dan membuat kajian teliti sebelum bertindak melucutkan jawatan Anwar dan memecatnya daripada Umno.

"Orang ramai sepatutnya mendengar penjelasan Dr Mahathir kerana beberapa orang sudahpun mengaku di mahkamah melakukan kesalahan perbuatan luhah melampau dengan Anwar," katanya.

Pekerja kilang, Saadiah Manap, 30, berkata beliau pada mulanya sukar untuk mempercayai tuduhan ke atas Anwar itu, tetapi selepas mendengar penjelasan Perdana Menteri, beliau yakin Anwar cuba membakar semangat pengikut dan mengalih tumpuan dengan melancarkan gerakan reformasi.

Menurutnya, tindakan liar kira-kira 1,000 penyokong Anwar yang merosakkan Galeri Perjuangan Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) adalah tidak bertanggungjawab serta merosakkan khazanah bangsa.

Beliau berkata, Anwar sepatutnya bertindak lebih rasional dengan membiarkan mahkamah menentukan hukuman ke atasnya.

"Beliau boleh bertanding dengan tiket bebas dalam pilihan raya akan datang jika masih ingin membabitkan diri dalam politik," katanya.

Seorang peniaga, Abdul Rahim Omar, 46, berkata beliau tidak berminat dengan gerakan reformasi yang dipimpin Anwar kerana ia hanyalah usaha bekas Menteri Kewangan itu untuk meraih simpati.

Menurutnya, Malaysia adalah sebuah negara yang aman dan tiada gunanya menimbulkan kekacauan untuk meraih simpati orang lain.

"Sebelum ini negara kita aman dan sekarang kita tetap aman. Oleh itu, tidak ada sebab untuk pihak tertentu menimbulkan kekacauan yang boleh menyebabkan kesengsaraan kepada rakyat," katanya.

Seorang pemandu, Marizan Abdul Rahman, 24, berkata Dr Mahathir pasti sukar untuk membuat keputusan memecat seseorang yang sudah dididik begitu lama untuk menggantikannya, tetapi terpaksa berbuat demikian demi masa depan rakyat.

"Perdana Menteri terlalu sayangkan rakyat dan negara sehingga sanggup berkorban apabila membuat keputusan yang sudah dijangka menyebabkan beliau tidak popular," katanya.

Seorang peniaga, Mat Kamin Kadri, 30, pula berkata beliau yakin dengan penjelasan yang diberikan Dr Mahathir berhubung pemecatan Anwar mempunyai kaitan dengan tuduhan tingkah laku tidak bermoral.

Menurutnya, pelbagai pengakuan mengenai tingkah laku tidak bermoral itu sudahpun dibuat oleh beberapa orang yang rapat dengan Anwar.

"Tambahan pula dengan pengakuan Tun Haniff bahawa beliau (Haniff) sudah dimaklumkan oleh pegawainya mengenai perkara itu sejak 1993 lagi, semakin

menguatkan lagi keyakinan saya," katanya.

Di ALOR STAR, ahli perniagaan, Sazali Salleh, berkata beliau menyokong penuh tindakan yang dikenakan terhadap Anwar kerana negara tidak mampu dipimpin oleh mereka yang rosak akhlak dan perjuangan yang tidak tetap.

Menurutnya, walaupun sukar menerima kenyataan bahawa Anwar terbabit dalam skandal seks yang menjijikkan, penjelasan Dr Mahathir semalam sudah mengubah tanggapan ramai pihak.

"Apa yang penting sekarang ialah rakyat memastikan kepemimpinan negara terus diterajui oleh mereka yang jujur dan bukan yang rosak moralnya," katanya.

Di JOHOR BAHRU, seorang doktor swasta, Dr Mohd Azam Rauzan, berkata Dr Mahathir mengambil masa yang panjang untuk meneliti dan menimbang salah laku bekas timbalannya itu kerana sentiasa mahu berlaku adil.

"Jika Perdana Menteri mempunyai agenda tertentu, sudah lama Anwar dipecat kerana maklumat mengenai salah laku dan masalah moral membabitkan Anwar sudah diterimanya sejak beberapa tahun lalu," katanya.

Beliau juga percaya tindakan Dr Mahathir itu bertujuan menjaga kepentingan bangsa, agama dan negara, walaupun berasa sedih kerana tindakan itu membabitkan orang yang pernah dibimbingnya dalam parti.

Maimunah Salam dari Senai pula berkata, penjelasan Dr Mahathir menerusi sidang akhbarinya Selasa lalu begitu meyakinkan kerana dibuat secara terusterang.

Menurutnya, segelintir kaum wanita terutama masyarakat kampung yang sebelum ini kurang jelas juga mula percaya kerana Perdana Menteri bertemu saksi terlebih dulu sebelum mengambil tindakan.

"Bukan mudah sebenarnya untuk bercerita mengenai salah laku seks, tetapi Dr Mahathir terpaksa juga bercakap mengenainya kerana ia ada kaitan dengan kepentingan parti dan negara," katanya.

Di IPOH, seorang penjaja, Kamaruddin Alias, 37, berkata beliau kini semakin jelas dengan tindakan kerajaan dan Umno terhadap Anwar berikutan penjelasan Dr Mahathir dan pendedahan Tun Haniff.

Bagaimanapun, katanya, rakyat berharap Anwar segera dihadapkan ke mahkamah bagi menghadapi sebarang tuduhan, terutama membabitkan soal moral.

(END)